



Persepsi politik dan trend pengundian di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang Pasir, Pulau Pinang

Junaidi Awang Besar¹

¹Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Junaidi Awang Besar (email: jab@ukm.my)

Abstrak

Pilihan raya kecil kawasan Permatang Pasir, Pulau Pinang diadakan berikutan kematian Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dari Parti Islam Semalaysia (PAS) iaitu Datuk Haji Mohd. Hamdan Abdul Rahman pada 31 Julai 2009 di Institut Jantung Negara (IJN). Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah menetapkan hari penamaan calon pada 17 Ogos manakala hari pembuangan undi adalah pada 25 Ogos. Sebanyak lapan buah pusat pengundian iaitu lapan buah sekolah membabitkan 39 saluran mengundi dibuka pada hari pengundian. Dapatan kajian menunjukkan 60 peratus responden menyatakan dasar yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat/pakatan pembangkang banyak menguntungkan orang bukan Melayu dan 81 peratus menyatakan parti Democracy Action Party (DAP) lebih memainkan peranan dalam membuat keputusan polisi Kerajaan Negeri. Dari perspektif jangkaan keputusan pilihan raya kecil, 60 peratus responden menyatakan PAS akan mengekalkan kemenangan di DUN tersebut. PAS berjaya mengekalkan kemenangan di DUN tersebut melalui calonnya Mohd. Salleh Man yang menewaskan calon BN (UMNO), Rohaizat Othman dengan majoriti 4551 undi. Faktor kejayaan PAS mengekalkan kemenangan adalah kawasan tersebut adalah kubu kuat pakatan pembangkang iaitu kawasan penasihat PKR Dato' Seri Anwar Ibrahim (ahli Parlimen Permatang Pauh) dan isu kredibiliti calon BN yang dimainkan oleh penceramah-penceramah daripada parti-parti dalam Pakatan Rakyat.

Katakunci: Kerajaan Negeri, Parti Islam Semalaysia, Permatang Pasir, Pilihan Raya, polisi, Suruhanjaya

The political perception and voting trend in the state assembly area of Permatang Pasir, Pulau Pinang

Abstract

The Permatang Pasir by-election was held following the death of the PAS Assemblyman. The Election Commission (EC) has set nomination day on August 17 while the polling day was on 25 August. Eight polling stations of eight schools involving 39 voting channels open on polling day. The study showed that 60 percent of respondents said the policy carried out by the Pakatan Rakyat (PR) State Government of Pulau Pinang to give benefit the non-Malays and 81 percent said the DAP is playing a role in state policy decisions. From the perspective of the expected election results, 60 percent of respondents said PAS would retain the victory in Permatang Pasir. PAS was able to maintain the winning through Mohd. Salleh Man who beat Rohaizat Othman, with the majority of 4,551 votes. The factor of PAS success to maintain the victory in Permatang Pasir by-election was this areas was the stronghold of the opposition of the PKR adviser (Dato' Seri Anwar Ibrahim – the member Parliament of Permatang Pauh) and the issue of BN candidate credibility played by the speakers of parties in Pakatan Rakyat.

Keywords: by-election, Islamic Party of Malaysian, Permatang Pasir, policy, State Government, the Election Commission

Pengenalan

Pilihan Raya Kecil (PRK) akan diadakan apabila berlaku pengosongan jawatan dalam mana-mana kerusi yang telah dipertandingkan dalam pilihan raya umum sama ada disebabkan oleh kematian, perletakan jawatan sebagai wakil rakyat dan muflis. Sepanjang tahun 2009, terdapat sebanyak 8 pilihan raya kecil telah diadakan iaitu 2 untuk kerusi Parlimen di Kuala Terengganu dan Bukit Gantang dan 6 untuk kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) di Bukit Selambau, Batang Air, Penanti, Manek Urai, Permatang Pasir dan Bagan Pinang. PRK DUN Permatang Pasir diadakan kerana kematian penyandang kerusi berkenaan, Datuk Mohd Hamdan Abdul Rahman pada 31 Julai 2009. Pada Pilihan Raya Umum (PRU) 2008, Mohd Hamdan mengalahkan calon BN Ahmad Sahar Shuib dengan majoriti 5,433 undi setelah memperoleh 11,004 undi. Pilihan raya ini dilihat percubaan BN untuk menembusi seterusnya menawan kubu terkuat pakatan pembangkang yang secara kebetulannya diwakili oleh Penasihat PKR yang juga Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia. Persoalannya adakah BN mampu menawan kembali kawasan ini yang mereka pernah menang sejak PRU 1959 hingga 1995 dan sebaliknya berjayakah PAS mengukuhkan sokongan pengundi di kawasan tersebut? Bagaimanakah pula dengan persepsi politik pengundi terhadap isu nasional, tempatan, peribadi calon dan dasar kerajaan negeri dan kesannya kepada keputusan PRK dan sejauhmanakah pola pengundian mengikut etnik dan lokasi geografi mempengaruhi sokongan pengundi terhadap calon/party yang bertanding?

Sorotan kajian lepas

Ling Mee Yeu (1999) pula mendapati latarbelakang sosioekonomi penduduk mempunyai hubungan yang rapat dengan penyertaan dalam mengundi di kawasan Parlimen Lanang, Sarawak. Elemen-elemen politik seperti kepimpinan dan ketokohan calon, manifesto parti, kempen pilihan raya, faktor persekitaran seperti media massa, ahli keluarga dan rakan sebaya mempengaruhi trend pilihan raya. Di Parlimen Lanang, rata-rata penduduknya mengundi berdasarkan faktor identifikasi parti dan berubah mengikut keadaan ekonomi-politik semasa.

Lorince Jumip (2002) melalui kajian tentang “Pola Pengundian Pilihan Raya Umum 1999: Prestasi dan Penerimaan Rakyat Terhadap Pemerintahan BN di Kuala Penyu” menjelaskan bahawa Kuala Penyu sebelum kemenangan BN pada pilihan raya 1994 merupakan antara kubu kuat buat Parti Bersatu Sabah (PBS). PBS telah menawan Kuala Penyu pada pilihan raya umum 1985 dan 1990 di bawah kepimpinan Datuk Wences Angang. Analisis kajian menunjukkan antara faktor penting yang menyebabkan kekalahan PBS ialah faktor calon. Datuk Wences Angang masih diberi kepercayaan oleh penduduk setempat walaupun beliau telah bertukar parti dan menerajui parti BN. Junaidi Awang Besar *et al.* (2009) dalam kajian “Pilihan Raya Kecil DUN Bukit Selambau (N25) April 2009: Satu Tinjauan dari Sudut Etnik” yang dilakukan sebelum hari mengundi di 22 daerah mengundi di DUN Bukit Selambau mendapati bahawa responden etnik Melayu, Cina dan India menjadikan televisyen sebagai sumber maklumat utama mereka. Dari segi kriteria pemilihan calon pula, 90.9 peratus responden Cina menyatakan mereka memilih calon yang mesra rakyat berbanding Melayu (67.9 peratus) dan India (66.1 peratus). 77.5 peratus responden Melayu, 54.5 (Cina) dan 69.6 peratus (India) menyatakan isu pemulihan ekonomi menjadi perbualan utama di kawasan mereka. Merujuk kepada jangkaan kemenangan parti dalam pilihan raya kecil DUN Bukit Selambau, 41.2 peratus responden Melayu, 45.5 peratus (Cina) dan 41.1 peratus (India) menyatakan PKR akan memenangi pilihan raya tersebut berbanding BN 29.4 peratus (Melayu), 18.2 peratus (Cina) dan 30.4 peratus (India).

Di Kawasan Parlimen Bukit Gantang, 100 peratus responden etnik Melayu, Cina dan India menjadikan televisyen sebagai sumber utama maklumat politik mereka. Mereka menyatakan akan memilih calon yang mesra rakyat tetapi tidak merestui wakil rakyat mereka melompat parti. Persoalan mengenai krisis perlembagaan Perak memperlihatkan responden Melayu lebih cenderung menyokong kepimpinan UMNO-BN berbanding responden Cina dan India pula lebih memihak kepada pihak Pakatan Rakyat/PAS. Ketiga-tiga kaum menyatakan Dato’ Sri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak akan menjadi


Perdana Menteri yang dapat menerajui pembangunan Malaysia dengan lebih baik (Junaidi Awang Besar *et al.* (2009).

Permatang Pasir, Pulau Pinang

DUN Permatang Pasir, N11 terletak dalam kawasan Parlimen Permatang Pauh, Pulau Pinang yang mengandungi tiga DUN (Penanti, Permatang Pasir dan Seberang Jaya). DUN Permatang Pasir berkeluasan 29.64 km persegi. Peratusan pengundi mengikut kaum di kawasan kajian ialah sebanyak 25.85 peratus pengundi Cina, 2.24 peratus pengundi India dan lain-lain serta 72.36 peratus adalah pengundi Melayu. DUN Permatang Pasir mempunyai 9 daerah mengundi iaitu Kampung Pelet, Permatang Ara, Sama Gagah, Bukit Indera Muda, Kubang Semang, Permatang Pauh, Tanah Liat Mukim 8, Permatang Tengah dan Kampung Cross Street 2 yang merangkumi 39 saluran mengundi (Rujuk Rajah 1).

Dari segi geografinya, DUN Permatang Pasir terletak dalam daerah pentadbiran Seberang Perai Tengah. Ia bersebelahan dengan DUN Seberang Jaya di bahagian barat dan DUN Penanti di sebelah timur serta DUN Sungai Dua (Tasek Gelugor) di sebelah utara dan DUN Padang Lalang (Bukit Mertajam) di sebelah selatan. Dalam kawasan Parlimen Permatang Pauh, DUN Permatang Pasir merupakan DUN yang kurang membangun berbanding dengan DUN Seberang Jaya dan DUN Penanti. Secara keseluruhannya DUN Permatang Pasir merangkumi kawasan perkampungan bandar dan kampung tradisional. Pekan utama di DUN Permatang Pasir ialah Penanti dan Permatang Pauh. Kaum Melayu tertumpu di Kampung Pelet, Sama Gagah, Bukit Indera Muda dan Kubang Semang manakala kaum Cina tertumpu di pekan Permatang Pauh, Penanti dan Kampung Cross Street 2.

DUN Permatang Pasir juga terletak di kawasan landai iaitu kawasan perkampungan Melayu di Kampung Pelet, Sama Gagah, Bukit Indera Muda, Kubang Semang dan Tanah Liat Mukim 8 dan bersawah di Permatang Ara dan Permatang Tengah serta kawasan pekan kecil di Permatang Pauh dan Cross Street dan kawasan berbukit di Bukit Jelutong dan Kepala Bukit. Aktiviti utama penduduk di sini adalah berasaskan kepada pertanian, penternakan, perniagaan kecil-kecilan dan perkilangan. Perkembangan ekonomi dan sosial di DUN Permatang Pasir menerima tempias daripada kawasan Seberang Jaya.



Sumber: http://klikkhas.bharian.com.my/klikkhas/permatang_pasir/Profil/profil_penuh_permatang

Rajah 1. Peta Lokasi DUN Permatang Pasir, Pulau Pinang

Geografi pilihan raya adalah kajian aspek ruangan organisasi manusia dan keputusan pilihan raya. Subjek kajian yang utama adalah manusia dan interaksinya dengan proses pengundian termasuk

keputusan pilihan raya (Amer Saifude Ghazali, 2009: 1). Merujuk kepada sejarah geografi pilihan raya DUN Permatang Pasir, ia dahulunya dikenali sebagai Permatang Pauh yang merupakan kubu tradisi Parti Perikatan/BN sejak pilihan raya umum 1959, dimenangi calon Perikatan iaitu Ariffin bin Shariff yang menewaskan calon PAS dan Barisan Sosialis dengan majoriti 2,709 undi. Berikutnya pada Pilihan Raya Umum 1964, calon Perikatan iaitu penyandang sebelum ini mengalahkan calon Barisan Sosialis dan United Democratic Party dengan majoriti 4,442 undi. Seterusnya pada Pilihan Raya Umum 1969, calon Perikatan iaitu Haji Mohamad Nor bin Haji Bakar mengeneipkan calon PAS dengan majoriti 627 undi. Kemudian dalam pilihan raya 1974 dikenali sebagai Kubang Semang terus dikuasai BN (dahulunya Perikatan) melalui penyandanginya dengan majoriti 3,767 undi yang menumpaskan calon DAP, Kesatuan Insaf Tanah Air (KITA) dan Parti Keadilan Masyarakat (PEKEMAS). Selepas itu, pada Pilihan Raya Umum 1978, calon BN iaitu penyandang mendahului calon PAS dengan majoriti 712 undi.

Dalam Pilihan Raya Umum 1982, BN meneruskan kemenangan dalam Pilihan Raya Umum sebelumnya melalui calon Md. Isa@Adnan bin Haji Ramli dengan majoriti 2,760 undi dengan mengalahkan calon PAS dan DAP. Berikutnya dalam Pilihan Raya Umum 1986, kawasan ini dikenali sebagai Permatang Pasir dan secara status quonya dimenangi BN melalui penyandang sebelum ini yang mengeneipkan calon PAS dengan majoriti 3,056 undi. Selanjutnya pada Pilihan Raya Umum 1990, BN melalui penyandang menewaskan calon PAS dengan majoriti 4,272 undi. Kemudiannya pada Pilihan Raya Umum 1995, BN melalui calonnya Ahmad bin Saad menumpaskan calon PAS dan DAP dengan kelebihan 6,198 undi. Berikutnya pada Pilihan Raya Umum 1999, BN melalui penyandang sebelum ini tewas kepada calon PAS dengan lebih undi sebanyak 3,194 undi. Selanjutnya pada Pilihan Raya Umum 2004, BN menampilkan semula wakil rakyatnya di DUN Permatang Pasir yang menang pada Pilihan Raya Umum 1982, 1986, dan 1990 iaitu Dato' Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli namun calon BN ini tewas kepada calon PAS iaitu Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman dengan majoriti 679 undi. Kemudian pada Pilihan Raya Umum 2008, calon PAS iaitu penyandang menewaskan calon BN dengan majoriti yang meningkat kepada 5,433 undi (Laporan Pilihan Raya Umum 1959 – 2008: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia).

Data

Seramai 100 responden (pengundi) telah dipilih untuk dikaji selidik dengan menggunakan borang kaji selidik di kawasan DUN Permatang Pasir pada 20 hingga 23 Ogos 2009 ketika kempen pilihan raya berlangsung yang bertujuan untuk memperolehi maklumat latar belakang responden, pendapat politik semasa dan jangkaan kemenangan calon yang bertanding. Satu set soal selidik telah digunakan untuk mendapatkan data primer. Pemerhatian dan tinjauan juga dilakukan di kawasan kajian untuk melihat perubahan landskap budaya politik, keadaan fizikal ruang atau kawasan yang relevan.

Latar belakang responden

Peratusan responden adalah lebih ramai bagi responden lelaki berbanding perempuan iaitu 66.7 peratus berbanding 33.3 peratus. Bagi status perkahwinan pula responden dimana peratusan tertinggi adalah bagi responden yang telah berkahwin iaitu sebanyak 61.7 peratus. Perbezaan kumpulan umur responden adalah hampir setara iaitu 30 peratus bagi kumpulan umur 21-30 tahun, 25 peratus bagi golongan 51 tahun ke atas, 23.3 peratus bagi kumpulan umur 31-40 tahun dan 21.7 peratus bagi kumpulan umur 41-50 tahun. Peratusan responden tertinggi adalah daripada mereka yang berniaga iaitu sebanyak 23.3 peratus diikuti oleh pegawai swasta, pekerja kilang, pesara, pegawai kerajaan dan tentera. Kebanyakan responden adalah berpendapatan sederhana iaitu sebanyak RM701-RM1500 yang merupakan 41.7 peratus daripada keseluruhan responden. Bagi taraf pendidikan responden pula, responden yang mempunyai taraf pendidikan sekolah menengah kebangsaan ialah sebanyak 61.7 peratus diikuti sekolah rendah sebanyak 21.7 peratus. Manakala peratus paling sedikit adalah bagi taraf pendidikan sekolah jenis kebangsaan Cina dan sekolah menengah agama iaitu masing-masing 1.7 peratus dan 5.0 peratus.

Pendapat politik semasa

Daripada hasil kajian dalam Jadual 2 menunjukkan 60 peratus responden menyatakan dasar yang dibuat oleh Kerajaan Pakatan Rakyat Pulau Pinang lebih memihak kepada kaum bukan Melayu dan 81 peratus menyatakan DAP lebih berperanan memutuskan dasar pemerintahan Kerajaan Pulau Pinang. Keadaan ini menunjukkan pengundi mula memikirkan pentingnya kekuasaan politik Melayu di Pulau Pinang dan bimbang dengan strategi politik pemimpin politik Cina DAP dalam mencaturkan seterusnya mempengaruhi beberapa dasar penting pemerintahan Pulau Pinang terutamanya dalam perkara tanah milik kerajaan negeri, pemberian tender projek di bawah Kerajaan Negeri dan hal yang berkaitan dengan kebajikan orang Melayu dan hal ehwal agama Islam di Pulau Pinang.

Seterusnya 58 peratus responden menyatakan pergolakan politik semasa lebih memberi kelebihan kepada BN dalam persada politik negara. Hal ini kerana rakyat melihat pergolakan politik tersebut adalah membuang masa, oleh itu rakyat ingin melihat manfaat yang diperolehi oleh mereka setelah diberi mandat besar dalam PRU 2008. Rakyat juga bosan dengan sikap pemimpin politik pembangkang yang terlalu berpolitik (*politiking*) sehinggakan tanggungjawab sebenar pemimpin politik ini untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat telah terabai). Justeru majoriti responden menyatakan pergolakan politik tersebut tidak memberi faedah kepada peningkatan kualiti hidup mereka.

Data dalam Jadual 1 juga menunjukkan sebanyak 75.0 peratus bersetuju bahawa Gagasan 1 Malaysia diterima baik oleh rakyat. Ini kerana konsep ini amat bertepatan dengan kehendak rakyat yang menginginkan perpaduan dalam kalangan penduduk yang berbilang kaum dan etnik di Malaysia. 1 Malaysia diwujudkan bagi meningkatkan penghayatan rakyat pelbagai kaum dan agama terhadap aspek perpaduan nasional. Gagasan ini bertindak sebagai pemangkin kepada kewujudan negara bangsa yang dapat membina Malaysia menjadi negara yang mempunyai sikap kesamaan dan kekitaan di kalangan rakyat. Gagasan 1 Malaysia juga membawa aspirasi untuk meningkatkan hubungan kaum bagi memastikan rakyat Malaysia dapat menjalinkan perpaduan yang lebih erat. Perpaduan adalah elemen utama dalam menghadapi pelbagai ancaman dan cabaran yang bertujuan mengganggu gugat kesejahteraan negara. Gagasan 1 Malaysia akan menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih aman, stabil dan maju dalam segenap bidang serta disegani di seluruh dunia.

Bagi pendapat mengenai jangkaan parti yang akan menang pada Pilihan Raya Kecil DUN Permatang Pasir pada 25 Ogos 2009, didapati sebanyak 60 peratus responden berpendapat parti PAS/Pakatan Rakyat akan memenangi Pilihan Raya Kecil (PRK) tersebut. Manakala 38.3 peratus mengatakan UMNO/BN yang akan memenangi pilihan raya tersebut. Sebanyak 1.7 peratus tidak pasti mengenai perkara ini. Data sedemikian memang dijangkakan kerana kawasan ini merupakan kubu kuat PKR yang merupakan salah satu parti komponen dalam Pakatan Rakyat dan dikukuhkan lagi dengan jentera pilihan raya mereka yang mantap dan tersusun. Pengundi di kawasan ini yang terletak dalam Parlimen Permatang Pauh juga lebih mengenali pemimpin PKR iaitu Dato' Seri Wan Azizah Wan Ismail yang pernah menjadi ahli Parlimen Permatang Pauh yang kemudiannya menyerahkan kerusi Parlimen tersebut kepada suaminya Dato' Seri Anwar Ibrahim pada Pilihan Raya Kecil 2009. Dato' Seri Anwar juga merupakan penyandang sejak Pilihan Raya Umum 1982 hingga 1995 ketika bertanding atas tiket BN/UMNO.

Jadual 1. Pendapat politik responden

Pernyataan	Ya (%)	Tidak (%)
Dasar yang dijalankan oleh pemerintahan Pakatan Rakyat (PR) di Pulau Pinang lebih memihak kepada kaum Bukan Melayu	60.0	40.0
Bersetujukah anda dengan pendapat bahawa parti yang mempunyai kuasa dalam Pakatan Rakyat di Pulau Pinang adalah DAP	81.7	18.3
Pergolakan politik semasa lebih memberi kelebihan kepada BN dalam persada politik negara	58.3	40.0
Pemimpin DAP tidak seharusnya menyentuh isu sensitif (agama), hak sesuatu kaum dan Raja	91.7	6.7
Setakat ini prestasi PR di Pulau Pinang memuaskan dan berkesan	28.0	70.0
Dasar 1 Malaysia yang diperkenalkan oleh PM amat baik ke arah perpaduan bangsa	75.0	25.0
Adakah anda bersetuju parti-parti politik Melayu iaitu UMNO dan PAS perlu bersatu demi kekuatan dan kesepaduan politik bangsa Melayu	83.3	16.7
Pembangunan sosioekonomi rakyat di kawasan ini tidak banyak berubah, oleh itu satu kepemimpinan baru diperlukan	80.0	18.0
Adakah anda bersetuju pemerintahan Pakatan Rakyat Pulau Pinang dikekalkan dalam pilihan raya akan datang	40.0	58.3
Pemimpin PKR dan PAS dalam pemerintahan Pakatan Rakyat kurang berkesan memperjuangkan isu agama, Raja dan kaum Melayu	58.3	41.7
Adakah anda bersetuju dengan pendapat bahawa pada pilihan raya umum yang ke 13, BN akan menguasai semula pemerintahan negeri ini	48.3	50.0
Adakah anda berpuas hati dengan prestasi pemerintahan kerajaan Pakatan Rakyat Pulau Pinang selama ini	40	60
Saya berpuas hati dengan pemansuhan PPSMI oleh Kerajaan Pusat	83.3	16.7
ISA perlu dikekalkan untuk keamanan negara	68.3	30.0

Keputusan

Keputusan pilihan raya kecil ini memihak kepada PAS dengan majoriti 4,551 undi setelah memperoleh undian sebanyak 9,618 undi dan mengalahkan BN yang memperoleh 5,067 undi. Manakala undi rosak adalah sebanyak 83 undi. Walau bagaimanapun undi PAS merosot sebanyak 1,386 undi dan undi UMNO merosot sebanyak 504 undi. Hal ini adalah disebabkan peratusan keluar mengundi yang merosot berbanding PRU 2008 kerana hari pembuangan undi jatuh pada hari bekerja iaitu Selasa. Hal ini menyukarkan pengundi yang berada di luar negeri balik untuk menjalankan tanggungjawab masing-masing disebabkan kekangan bekerja dan kos pengangkutan. Jumlah keluar mengundi adalah seramai 14,768 orang iaitu 73 peratus daripada bilangan pengundi berdaftar seramai 20,290 orang.

Trend pengundian mengikut kaum

Pola pengundian mengikut kaum dapat dilihat di kawasan majoriti Melayu dan majoriti Cina. Kawasan majoriti pengundi Melayu adalah di Bukit Indera Muda di mana PAS/Pakatan Rakyat menang dengan majoriti 440 undi. Selain itu, Kampung Pelet yang juga mempunyai bilangan pengundi Melayu yang ramai turut dimenangi oleh PAS/Pakatan Rakyat dengan majoriti yang agak kecil iaitu sebanyak 192 undi. PAS/Pakatan Rakyat mendapat 738 undi berbanding UMNO/BN 546 undi dengan undi rosak sebanyak 12 undi. Ini menunjukkan pola pengundian pengundi Melayu lebih cenderung kepada PAS/Pakatan Rakyat walaupun majoriti di Kampung Pelet jauh lebih kecil berbanding majoriti di Bukit Indera Muda. Pengundi Melayu masih memberikan sokongan yang kuat kepada PAS/Pakatan Rakyat setelah 3 penggal era penguasaan PAS/Pakatan Rakyat di Permatang Pasir walaupun sesetengahnya telah kembali menyokong UMNO/BN.

Manakala pola pengundian di kawasan majoriti pengundi Cina iaitu di Sama Gagah pula dimenangi oleh PAS/Pakatan Rakyat dengan majoriti 803 undi. PAS/Pakatan Rakyat mendapat 1,397 undi dan mengalahkan UMNO/BN yang mendapat 594 undi dengan undi rosak sebanyak 12 undi. Di Sama Gagah, terdapat seramai 1,231 pengundi Cina yang berdaftar dan 1,485 pengundi Melayu. Manakala, di Permatang Pauh yang terdiri daripada 949 pengundi Cina dan 783 pengundi Melayu berdaftar juga dimenangi oleh PAS/Pakatan Rakyat dengan majoriti 521. PAS/Pakatan Rakyat meraih 875 undi sekaligus mengalahkan UMNO/BN yang hanya memperoleh 354 undi. Pola pengundian yang memihak kepada PAS/Pakatan Rakyat di kawasan ramai pengundi Cina telah dijangkakan dari awal kerana PAS/Pakatan Rakyat mendapat sokongan penuh daripada DAP sebagai parti komponen dalam PR.

Trend pengundian mengikut lokasi geografi

Pola pengundian mengikut lokasi geografi iaitu bandar, luar bandar dan separa bandar juga menunjukkan trend yang hampir sama iaitu kesemuanya dimenangi oleh PAS/Pakatan Rakyat. Bagi kawasan bandar, iaitu Permatang Pauh, PAS/Pakatan Rakyat menang dengan majoriti 521 setelah mendapat undian sebanyak 875 berbanding UMNO/BN yang mendapat 354 undi sahaja. Jumlah majoriti yang agak tinggi berbanding di kawasan luar bandar dan separa bandar adalah mungkin disebabkan penyampaian maklumat dari pihak PAS/Pakatan Rakyat yang menggunakan internet sebaik mungkin berbanding UMNO/BN untuk menyampaikan maklumat politik kepada pengundi-pengundi di kawasan tersebut.

Di Permatang Ara yang merupakan kawasan luar bandar dimenangi oleh PAS/Pakatan Rakyat dengan majoriti 322 undi. UMNO/BN meraih 1,075 undi di Permatang Ara, manakala PAS/Pakatan Rakyat mendapat 1,397 undi. Kawasan luar bandar yang lain iaitu Kampung Pelet, PAS/Pakatan Rakyat menang dengan majoriti kecil 192 undi. PAS mendapat 738 undi sementara UMNO/BN mendapat 546 undi. Antara faktor PAS/Pakatan Rakyat menang kecil di kawasan luar bandar ialah isu pembangunan. Setelah 3 penggal Permatang Pasir berada di bawah pemerintahan PAS/Pakatan Rakyat, pembangunan di kawasan tersebut adalah kurang memberangsangkan terutamanya di kawasan luar bandar. Oleh itu, sebahagian pengundi memilih UMNO/BN yang menjanjikan pembangunan yang mantap untuk Permatang Pasir dengan slogan 'Permatang Pasir Anak Emas Kerajaan Persekutuan' sekiranya mereka memenangi PRK Permatang Pasir ini. Penduduk di kawasan luar bandar berharap janji tersebut akan mengubah nasib dan pembangunan di kawasan mereka. Oleh itu, mereka sepakat mengundi UMNO/BN pada PRK Permatang Pasir tersebut. Manakala kawasan separa bandar iaitu Bukit Indera Muda dimenangi oleh PAS/Pakatan Rakyat dengan majoriti sederhana iaitu 440 undi. Bilangan undi PAS/Pakatan Rakyat ialah sebanyak 1,302 undi manakala UMNO/BN sebanyak 862 undi. Hal ini kerana kawasan ini telah dilengkapi dengan kemudahan asas. Justeru mereka tidak kisah dalam memilih parti/calon.

Trend pengundian mengikut daerah mengundi

Keseluruhan daerah dimenangi oleh PAS. Hal ini adalah kerana Permatang Pasir merupakan kubu kuat PAS/Pakatan Rakyat dan PAS/Pakatan Rakyat telah memegangnya selama 3 penggal. PAS/Pakatan Rakyat menang paling tinggi di Kampung Cross Street 2 di mana kadar undian yang diperolehi PAS/Pakatan Rakyat ialah sebanyak 75 peratus bersamaan 938 undi berbanding UMNO/BN yang mendapat 300 undi. Majoriti kemenangan PAS/Pakatan Rakyat ialah sebanyak 638 undi. Sekiranya dikira melalui majoriti kemenangan PAS/Pakatan Rakyat yang tertinggi pula di kawasan Sama Gagah iaitu sebanyak 803 undi di mana PAS/Pakatan Rakyat memperoleh 1,397 undi sekaligus mengalahkan UMNO/BN yang memperoleh 594 undi.

Manakala, peratus kemenangan PAS/Pakatan Rakyat yang paling kecil ialah di Kampung Permatang Ara iaitu sebanyak 56 peratus bersamaan 322 undi majoriti. PAS/Pakatan Rakyat mendapat 1397 undi berbanding UMNO/BN yang mendapat 1,075 undi. Sekiranya mengikut bilangan majoriti pula, PAS/Pakatan Rakyat menang tipis di Kampung Pelet iaitu sebanyak 192 undi sahaja. PAS/Pakatan Rakyat mendapat 738 undi manakala UMNO/BN mendapat 546 undi (Lihat Jadual 2).

Jadual 2. Helaian Mata (score sheet) keputusan pilihan raya kecil DUN Permatang Pasir mengikut daerah mengundi

Daerah Mengundi	PAS	BN	Majoriti	Undi Rosak	Jumlah Keluar Mengundi
Sama Gagah	1,397	594	803	12	2,003
Permatang Ara	1,397	1,075	322	11	2,483
Permatang Pauh	875	354	521	7	1,236
Bukit Indera Muda	1,302	862	440	16	2,180
Kampung Pelet	738	546	192	12	1,296
Kubang Semang	773	275	498	2	1,050
Tanah Liat Mukim 8	971	500	471	7	1,478
Kampung Cross Street 2	938	300	638	12	1,250
Permatang Tengah	1,225	555	670	4	1,784
Undi Pos	2	6	-4	0	-
JUMLAH	9,618	5,067	4,551	83	14,768

Status quo PAS/Pakatan Rakyat

Kemenangan PAS/Pakatan Rakyat sememangnya sudah dijangka kerana kawasan DUN Permatang Pasir ini merupakan kawasan kubu kuat PKR/Pakatan Rakyat dan juga merupakan kawasan yang sedang diwakili Penasihat PKR sekarang iaitu Dato' Seri Anwar Ibrahim. Kemenangan PAS ini dikukuhkan lagi dengan imej calon PAS yang dilihat bersih dengan berlatarbelakangkan agama, muda dan profesional serta berkelulusan tinggi. Koordinasi dan penyelarasan serta perpaduan erat di kalangan jentera/petugas pilihan raya antara PAS, PKR dan DAP yang mantap juga menjamin kemenangan calon mereka. Seterusnya dengan kemenangan calon PAS ini juga dikatakan memberi manfaat kepada pengundi kawasan ini kerana secara kebetulan Kerajaan Pulau Pinang dikuasai Pakatan Rakyat justeru segala peruntukan pembangunan dapat disalurkan terus kepada ADUN Pakatan Rakyat/PAS. Tindakan Ketua Menteri Lim Guan Eng memberi jaminan untuk menamakan calon PAS/Pakatan Rakyat PRK DUN Permatang Pasir iaitu Mohd. Salleh Man sebagai Pengerusi Majlis Agama Islam juga telah meyakinkan pengundi Melayu untuk menyokong calon PAS tersebut.

Kekalahan BN dikaitkan dengan imej calon. Isu ini tersebar melalui akses internet dan blog-blog politik sebagai sumber maklumat alternatif yang digunakan golongan muda untuk mendapatkan maklumat politik semasa yang tidak terdapat dalam media arus perdana seperti TV dan surat khabar arus perdana. Pihak Pakatan Rakyat berjaya mengeksploitasi isu kredibiliti calon BN tersebut yang dikaitkan dengan penyelewengan wang RM140,000 wang Koperasi Pekebun Getah melalui ceramah-ceramah, risalah dan sepanduk seterusnya mempengaruhi pilihan politik pengundi di Permatang Pasir. Hal ini dikuatkan lagi dengan isu perkahwinan kali keduanya yang dirahsiakan. Isu tersebut menjadi panas pada tiga hari terakhir kempen. Ketua Pemuda PAS, Hassan Tantawi berjaya membuktikan calon BN mempunyai isteri kedua yang sekarang tinggal di Jengka 11, Pahang yang dikahwininya pada 2005 dan hanya didaftarkan pada 2008. Isunya bukan poligami tetapi penafian dan pengabaianya.

Pilihan raya kecil Permatang Pasir juga mengesahkan bahawa selepas melalui pilihan raya kecil Permatang Pauh, Bukit Gantang, Bukit Selambau dan Penanti; sokongan bukan Melayu terhadap Pakatan tetap utuh meskipun MCA dan Gerakan memainkan pelbagai isu perkauman. Asakan isu perkauman Melayu yang dibuat bertubi-tubi terhadap Ketua Pembangkang sebagai pengkhianat Melayu tidak bekesan apabila ia semakin menjarakkan mereka dengan bukan Melayu. Sedangkan ia tidak pula berjaya menarik Melayu, lebih-lebih lagi Melayu Pulau Pinang. Isu pembangunan juga dilihat tidak berjaya mempengaruhi pengundi di kawasan ini. Hal ini kerana Permatang Pasir terletak di kawasan separa bandar yang sudah dilengkapi kemudahan asas serta pembangunan fizikal yang telah sedia ada sebelum ini.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya kajian ini merupakan suatu kajian yang dapat menghasilkan satu dapatan yang memperlihatkan senario politik semasa di Pulau Pinang di bawah Pakatan Rakyat selepas kemenangan mereka pada pilihan raya yang ke-12. Sehubungan itu setiap data yang diperolehi dapat memberikan gambaran persepsi pengundi terhadap pengaruh politik PAS/Pakatan Rakyat di kawasan kajian serta penerimaan rakyat dasar Kerajaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah penguasaan Pakatan Rakyat. Majoriti pengundi bimbang dengan penguasaan pemimpin politik bukan Melayu di Pulau Pinang. Keadaan ini menunjukkan pengundi mula memikirkan pentingnya kekuasaan politik Melayu di Pulau Pinang dan bimbang dengan strategi politik pemimpin politik DAP dalam mencaturkan seterusnya mempengaruhi beberapa dasar penting pemerintahan Pulau Pinang. Namun responden menyatakan PAS/Pakatan Rakyat boleh memenangi PRK ini kerana Permatang Pasir dari segi kedudukan lokasi geografinya yang merupakan kubu kuat Pakatan Rakyat/pakatan pembangkang sejak PRU 1999. Kemudiannya dapatan kajian ini selaras dengan keputusan sebenar PRK Permatang Pasir yang memihak kepada PAS yang menang sebanyak tiga kali berturut-turut sejak PRU 1999. Secara keseluruhannya, pengaruh politik parti pembangkang iaitu Pakatan Rakyat masih kukuh dan disokong oleh pengundi. Namun sentimen perkauman masih menebal dalam pemikiran politik pengundi. Senario politik di Permatang Pasir menunjukkan kekuatan sokongan terhadap parti politik masih bergantung kepada trek rekod serta gerak kerja oleh penyokong di peringkat akar umbi. Namun, politik Malaysia masih dipengaruhi oleh faktor isu semasa serta sentimen perkauman yang dicanangkan oleh parti-parti politik yang bakal mempengaruhi sokongan pengundi terhadap parti politik dan calon pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13 akan datang.

Rujukan

- Amer Saifude Ghazali (2009) *Geografi pilihan raya Malaysia*. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Hj. Mohd Awal & Khaidzir Hj. Ismail (2009) Pilihan Raya Kecil DUN Bukit Selambau (N25) April 2009: Satu tinjauan dari sudut etnik. *Simposium Kebudayaan Indonesia-Malaysia Ke-11 (SKIM XI)*. Anjuran Universitas Padjadjaran, Bandung, Indonesia dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). 10-12 November.
- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali (2009) Pola politik mengikut kaum di Kawasan Parlimen Bukit Gantang (P059). *Seminar Malindo-Nusantara (I)*. The Hills Bukittinggi Hotel, Bukittinggi, Sumatera Barat, Indonesia. Anjuran Universitas Andalas (UNAND), Padang, Sumatera Barat, Indonesia dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). 16-17 Disember.
- Ling Mee Yeu (1999) *Pola pengundian di kawasan bandar: Satu kajian kes di kawasan Parlimen Lanang di Sibul, Sarawak*. Latihan Ilmiah. Program Geografi. Universiti Kebangsaan Malaysia (tidak diterbitkan).
- Lorince Jumip (2002) *Pola pengundian Pilihan Raya Umum 1999: Prestasi dan penerimaan rakyat terhadap pemerintahan BN di Kuala Penyu*. Latihan Ilmiah. Program Geografi. Universiti Kebangsaan Malaysia (tidak diterbitkan).
- Pemerhatian di Lapangan (Daerah-daerah Mengundi Kampung Pelet, Permatang Ara, Sama Gagah, Bukit Indera Muda, Kubang Semang, Permatang Pauh, Tanah Liat Mukim 8, Permatang Tengah dan Kampung Cross Street 2), Ogos 2009.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1959*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1964*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1969*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1974*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1978*. Kuala Lumpur, Malaysia.

Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1982*. Kuala Lumpur, Malaysia.
Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1986*. Kuala Lumpur, Malaysia.
Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1990*. Kuala Lumpur, Malaysia.
Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1995*. Kuala Lumpur, Malaysia.
Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1999*. Kuala Lumpur, Malaysia.
Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 2004*. Kuala Lumpur, Malaysia.
Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 2008*. Kuala Lumpur, Malaysia.